

An excerpt from *Harapan*

Aku di barisan nombor tiga di mana anggaran 10 orang di hadapanku menanti giliran. Aku tatapi wajah Nurul, yang tetap berlegar di kawasan belakang kaunter, seperti yang biasa dilakukan penyelia imigresen. Mengawasi dan sedia menghulurkan bantuan. Dia kelihatan menawan dengan rambutnya disanggul. Tinggi lampai, berkulit cerah dan sebiji tahi lalat di atas bibir berdekatan pipi kanannya. Wajah yang kupuja sejak 11 tahun lalu. Mana mungkin luput dari memoriku.

Matanya galak melihat setiap barisan penumpang feri yang sedang menanti giliran. Pasti dia sedang mencariku kerana dia tahu feriku telah berlabuh. Kita sudah berjanji hendak bertemu di pelabuhan ini sewaktu waktu kerjanya. Lebih tepat lagi, kita mahu saling menyapa sejenak agar terubat rindu yang terbatu di dalam hati sekian lama. Itulah sebabnya aku tidak terbang langsung dari Jakarta ke Singapura. Sebaliknya, dari Jakarta, aku menaiki pesawat domestik ke Pulau Batam, hanya untuk meneruskan perjalanan menaiki feri ke Singapura.

Sepanjang perjalananku yang bermula dari Wellington, New Zealand lalu ke Jakarta dan seterusnya ke Pulau Batam, keghairahan untuk bertemu meliputi setiap pelosok hatiku. Malangnya, keghairahan itu lenyap tatkala keyakinanku mulai pudar di saatku melangkah ke pelabuhan ini. Seolah ada satu kuasa meragut keyakinanku serta merta. Keyakinan untuk bersua dengan Nurul. Keyakinan untuk menerima apa jua kemungkinan.

Aku terus mengekori pergerakan Nurul dengan berhati-hati. Dengan harapan tidak dikesannya. Ikutkan hati, mahu sahaja aku meluru melepasi setelah pasportku diperiksa nanti. Lupakan sahaja niat untuk bertemu. Cadangan yang baik, bisik hatiku. Ya, aku sudah bertekad untuk lakukan sedemikian. Boleh sahaja bertemu di lain kesempatan, bila aku lebih berkeyakinan, fikirku.

Mata Nurul terus galak mencariku sambil sibuk mengukir senyuman dan memberi salam pada para penumpang feri yang berlalu, seperti yang dianjurkan Jabatan Imigresen Singapura. Khidmat pelanggan, iaitu di sini bermaksud pengunjung, penduduk dan rakyat, diutamakan. Mereka biadap? Mereka tidak sopan? Mereka salah? Tidak mengapa, senyum sahaja. Mereka tetap benar. Itulah uniknya Singapura. Melihatnya tersenyum begitu, menyedarkan aku dibalik senyumannya, terlindung segunung kesengsaraan. Aku amat bersimpati.